Bab 1: Introduksi

1.1: Pengenalan Umum

Pujangga puisi berbentuk *Ci* handalan Qin Guan hidup pada zaman Dinasti Song Utara yang penuh dengan pergolakan dan pergelutan politik serta sering menghadapi serangan bertubi-tubi tentera-tentera dari wilayah utara. Tambahan pula, iklim ekonomi pula kurang menentu telah mengakibatkan rakyat jelata hidup dalam suasana sengsara. Namun demikian, pada zaman inilah pujangga-pujangga puisi berbentuk *Ci* handalan mulai menonjol diri. Secara tidak langsung keadaan ini telah menggalakkan perkembangan kesusasteraan puisi berbentuk *Ci* dengan pesat malah pada ketika inilah ia dianggap sebagai zaman keemasan dan keagungan puisi berbentuk *Ci*.

Dalam catatan-catatan sejarah mengenai kesusasteraan klasik China, puisi berbentuk *Ci* secara umumnya dipercayai bermula pada akhir zaman Dinasti Tang. Gaya formal dan intipatinya bermula dengan stail lemah-lembut (Wanyue 婉约) yang melibatkan unsur-unsur kepiluan hati, kerisauan, tangisan kekasih serta perpisahan yang pilu-sembilu. Kemudiannya perkembangan ini mulai beralih kepada gaya formal yang lebih terbuka dan tulus setelah melalui perubahan drastik yang telah dilakukan oleh beberapa pujangga agung umpamanya Su Shi pada zaman Dinasti Song Utara dan Xin Jiaxuan (辛稼轩)[1] pada zaman Dinasti Song Selatan (Nan Song 南宋).

---

[1] Xin Qiji (辛弃疾) atau nama samarannya Xin Jiaxuan (辛稼轩 1140-1207) dilahirkan di wilayah Jinan (济南) bandar Li (历城). Beliau dianggap sebagai patriot negara yang agung dan pernah menyertai revolusi untuk menghalau orang-orang Jin (金兵) daripada menceroboh wilayah Dinasti Song Selatan pada ketika umurnya 22 tahun. Selain itu, beliau turut terkenal sebagai pujangga puisi berbentuk *Ci* yang agung khasnya puisi berbentuk *Ci*-nya yang berunsurkan unsur-unsur patriotik. Deng Guangming (邓广铭), *Annotasi Kronologi Puisi Berbentuk Ci Jiaxuan* (*Jiaxuan Ci Biannian Jianzhu 稼轩词编年笺注*), Hong Kong (香港): Zhonghua Shuju Xianggang Fenju (中华书局香港分局), 1974, hlm. 1-14.

Akibat daripada peralihan masa, gaya formal atau intipati puisi berbentuk *Ci* mulai mengalami perubahan sehinggakan wujudnya dua aliran puisi berbentuk *Ci* yang berlainan iaitu aliran Lemah-lembut (Wanyue Pai 婉约派) dan aliran Tulus terbuka (Haofang Pai 豪放派). Namun di sebalik persaingan hebat antara dua aliran ini, Qin Guan yang digolongkan sebagai pujangga aliran Lemah-lembut masih dapat menerus dan mempraktikkan gaya formal yang tersendiri, malahan puisi berbentuk *Ci* ciptaannya turut berintipatikan puisi berbentuk *Ci* pujangga-pujangga terdahulu yang kerap menumpukan perhatian kepada intonasi irama yang serasi serta lembut. Senario ini telah membolehkan puisi berbentuk *Ci* beliau dianggap sebagai sesuatu yang unik dan merupakan suatu keajaiban dalam bidang penghasilan puisi berbentuk *Ci*. Para pengkaji dan pengkritik puisi berbentuk *Ci* sezaman mahupun terkemudian sering membandingkan hasil karyaannya dengan guru Qin Guan iaitu Su Shi serta pengaruh puisi berbentuk *Ci* Qin Guan terhadap para pujangga seterusnya.

1.2 : Kepentingan Penyelidikan.

Sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini, skop penyelidikan akan ditumpukan terhadap pujangga puisi berbentuk *Ci* handalan iaitu Qin Guan dalam bidang kesusasteraan klasik China. Selama ini, kajian terhadap puisi berbentuk Ci ciptaan Qin Guan hanya dilakukan oleh beberapa pengkaji sahaja kerana kebanyakan pengkaji kesusasteraan klasik China lebih menumpukan perhatian kepada para pujangga puisi berbentuk *Ci* yang lain ada pula yang lebih memunpukan kajian terhadap bidang kesusasteraan yang lain. Biarpun ada pengkaji dan pengkritik yang menjalankan penyelidikan terhadap puisi -puisi berbentuk *Ci* Qin Guan, mereka lebih menumpukan perhatian terhadap beberapa buah puisi berbentuk *Ci*-nya yang terkenal sahaja. Tambahan pula, kajian terhadap pengaruh dan sumbangan puisi berbentuk *Ci* Qin

Guan dalam kesusasteraan klasik China amatlah terhad, kurang padat dan berselerak. Oleh yang demikian, kajian dan penyelidikan ini diharapkan dapat mengumpulkan seberapa banyak maklumat yang boleh terhadap karyaan puisi berbentuk *Ci* Qin Guan.

Tidak diketepikan juga latar belakang dan riwayat hidupnya turut ditinjau dan diselidik. Dalam konteks ini, sanubari seseorang individu pasti akan mempengaruhi psikologi dan pemikirannya apatah lagi bagi seorang pujangga kerana sanubari mereka mudah tersentuh dan amat sensitif dengan suasana persekitaran baik daripada alam semesta mahupun interaksi antara manusia dengan manusia. Daripada penyelidikan terhadap latar belakang Qin Guan, bolehlah diketahui nanti corak pemikiran yang tersurat dan tersirat dalam karyaan-karyaan kesusasteraannya. Senario ini dapat membantu kita menganalisa karya-karya beliau dengan lebih mendalam lagi.

1.3 : Objektif Penyelidikan.

Secara amnya, pemilihan bidang kesusasteraan klasik China sebagai sumber penyelidikan khasnya terhadap pujangga Dinasti Song Utara iaitu Qin Guan bersama-sama dengan hasil karyaannya merupakan satu usaha yang mencabar. Dalam penyelidikan ini, objektif pertama adalah untuk mengkaji latar belakang pujangga kerana langkah ini adalah perlu bagi mengetahui pengaruh serta implikasi latar belakang kehidupan seseorang pujangga terhadap corak pemikiran, gerak balas naluri serta sifat-sifat laku hatinya. Di samping itu, tumpuan turut diberikan terhadap psikologi pujangga tersebut kerana gerak balas psikologi seseorang pujangga biasanya bersebati dengan hasil ciptaan kesusasteraan mereka.

Objektif seterusnya adalah untuk mengidentifikasi tahap-tahap perubahan yang telah wujud dalam puisi berbentuk *Ci* ciptaan Qin Guan. Pada peringkat ini, tumpuan akan diberikan terhadap hasil ciptaan puisi berbentuk *Ci*-nya dari zaman muda hingga

ke zaman uzurnya. Dengan pelaksanaan langkah ini, dapatlah dikenalpasti ketulenan puisi berbentuk *Ci* Qin Guan dan membezakannya dari karyaan palsu yang telah dicampur-adukkan. Selain daripada itu, objektif penyelidikan turut ditumpukan terhadap pencapaian kesusasteraan pujangga tersebut dari segi keistimewaan-keistimewaan kesenian yang terdapat dalam gaya dan kehalusan bahasa, sketsa, frasa, kualiti, laku hati dan keunikan-keunikan intonasi muzik yang terdapat dalam sesebuah puisi berbentuk *Ci*-nya. Tidak dapat dinafikan bahawa ciri-ciri ini bagaikan satu identiti bagi seseorang pujangga dalam menghasilkan karyaan mereka.

Objektif seterusnya adalah pengkajian terhadap penerokaan dan perintisan yang telah dilakukan oleh Qin Guan dalam bidang kesusasteraan puisi berbentuk *Ci*. Berkenaan dengan perkara diatas, perlulah diketahui bahawa kejayaan seseorang pujangga terkenal bukan sahaja terletak pada kebolehan mencipta puisi-puisi berbentuk *Ci* yang menarik. Justeru itu, kebolehan pujangga melakukan penerokaan dan perintisan dalam bidang kesusasteraan serta keluasan dan kedalaman pengaruh perintisan yang telah berlaku.